

Ruj.Kami : JANMKEL.600-1/1/4 (38)

Tarikh : 23 Mac 2025

22 Ramadan 1446H

Semua Ketua Jabatan Persekutuan/
Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEMBUKAAN SEKATAN OVERBAJET BAGI OS17000 UNTUK BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI (BKKA) PENJAWAT AWAM TAHUN 2025 MELALUI ARAHAN PEMBAYARAN iGFMS

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa selaras dengan surat daripada Kementerian Kewangan Malaysia rujukan MOF.NBO(R)600-8/2/35JILID.2(6) bertarikh 21 MAC 2025, Bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2025 telah ditetapkan pada **27 Mac 2025 (Khamis)**.

3. Sehubungan dengan itu, Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM) Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) akan membuka sekatan *overbajet* di sistem iGFMS bagi ***bagi tempoh 24 Mac 2025 (Isnin) sehingga 27 Mac 2025 (Khamis)**. Pembukaan sekatan *overbajet* adalah bagi membenarkan Pusat Tanggungjawab (PTJ) menyediakan Arahan Pembayaran melalui Modul Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Tempatan (K2) kepada pegawai yang layak menerima BKKA Penjawat Awam Tahun 2025 yang tidak diproses melalui **Sistem Emolumen Berkomputer Modul *Human Capital Management (HCM)*** pada tarikh yang telah ditetapkan. Pembayaran *overbajet* bagi OS17000 untuk bantuan khas ini adalah selaras dengan surat Kementerian Kewangan yang menyatakan bahawa sebarang keperluan peruntukan tambahan akan diselaraskan oleh Perbendaharaan pada akhir tahun 2025.

4. Justeru, PTJ hendaklah diingatkan agar pembayaran BKKA Penjawat Awam Tahun 2025 ini disemak rapi agar tiada keciciran bagi pegawai yang layak dan hendaklah disempurnakan dalam tempoh yang ditetapkan. Sebarang keciciran pembayaran dalam tempoh pembukaan sekatan *overbajet* hendaklah disempurnakan melalui HCM pada bulan berikutnya. PTJ adalah bertanggungjawab untuk memastikan pembayaran bantuan khas tersebut tidak dibuat pembayaran dua(2) kali kepada pegawai yang layak.

5. PTJ juga perlu mematuhi tatacara bayaran dengan mengisi nombor rujukan buletin ini dengan jelas di ruangan Perihal Bayaran semasa penyediaan Arahan Pembayaran dan memastikan Arahan Pembayaran berstatus "80" sebelum atau selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari, 27 Mac 2025 (Khamis).

JANMKEL.600-1/1/4 (38)

6. Arahan ini hanya terpakai bagi bayaran BKKA Tahun 2025 melalui Arahan Pembayaran sehingga 27 Mac 2025 sahaja. Sebarang bayaran BKKA Tahun 2025 melalui Arahan Pembayaran selepas tarikh tersebut perlu dikemukakan kepada JANM Negeri Kelantan untuk kelulusan.

7. Kerjasama pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

TIMBALAN PENGARAH

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI KELANTAN